

## ISLAM MENCELA PROVOKASI TERHADAP AGAMA

Jabatan Mufti Negeri Perak

### Mukaddimah

Islam adalah agama majoriti penduduk negara ini dan merupakan agama Persekutuan bagi Malaysia. Namun penduduk yang bukan beragama Islam juga turut bebas mengamalkan ajaran agama mereka di negara ini dengan syarat tidak mengganggu gugat keamanan, keharmonian dan kedamaian. Inilah keistimewaan umat Islam di negara ini, sedia menerima kepelbagaian hidup beragama dengan menjaga prinsip-prinsip asas Islam, asalkan penduduk bukan Islam sedia menerima realiti dan menghormati kedudukan Islam sebagai agama Persekutuan.

### Islam Agama Yang Mempertahankan Kedamaian

Allah menjelaskan matlamat utama di sebalik kejadian manusia adalah melalui firman-Nya :

﴿يَأَيُّهَا أَنَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُم مِّنْ ذِكْرٍ وَأَنثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِيلَ لِتَعَارَفُوا﴾

"Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu daripada lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu sama lain). (Surah al-Hujurat : 13)

Ayat ini menjelaskan bahawa Islam adalah al-Din yang amat menitikberatkan soal kedamaian sejagat dan kesejahteraan ummah. Agama Islam telah menganjurkan kepada umat manusia agar bekerjasama dan bertoleransi antara satu sama lain dalam memakmurkan bumi Allah ini.

### Larangan Mencemuh Sembahan Agama Lain

Islam melarang dan menegah umatnya supaya tidak mencemuh sembah agama lain, kerana dikhuatiri penganut-penganut agama lain turut mencemuh dan mencerca Allah melalui firmanNya :

﴿وَلَا تَسْبُوا الَّذِينَ يَدْعُونَ مِنْ دُونِ اللَّهِ فَيَسْبُو اللَّهَ عَدُوًا بِغَيْرِ عِلْمٍ﴾

*Dan janganlah kamu cerca benda-benda yang mereka sembah yang lain dari Allah, kerana mereka kelak akan mencerca Allah secara melampaui batas dengan ketiadaan pengetahuan. (Surah al-An'am : 108)*

## **Islam Tidak Mencampuri Agama Lain**

Islam juga telah memberikan penegasan kepada bukan Muslim bahawa agama ini tidak mencampuri ajaran dan amalan agama-agama lain melalui firman Allah:

قُلْ يَأَيُّهَا أَلْكَافِرُونَ ﴿١﴾ لَا أَعْبُدُ مَا تَعْبُدُونَ وَلَا أَنْتُمْ عَابِدُونَ مَا أَعْبُدُ  
وَلَا أَنَا عَابِدٌ مَا عَبَدْتُكُمْ وَلَا أَنْتُمْ عَابِدُونَ مَا أَعْبُدُ لِكُلِّ دِينٍ كُلُّهُ وَلِيَ دِينِ ﴿٢﴾

Katakanlah (wahai Muhammad): "Hai orang-orang kafir! "Aku tidak akan menyembah apa yang kamu sembah. "Dan kamu tidak mahu menyembah (Allah) yang aku sembah. "Dan aku tidak akan beribadat secara kamu beribadat. "Dan kamu pula tidak mahu beribadat secara aku beribadat. "Bagi kamu agama kamu, dan bagiku agamaku".

## **Setiap Warganegara Perlu Menghormati Sensitiviti Agama Islam Serta Mengelakkan Keharmonian Antara Agama**

Dalam sejarah Islam, perbezaan akidah tidak semestinya berakhir dengan permusuhan dan pertelagahan, sebaliknya tetap saling bekerja sama dan berganding bahu dalam membangunkan negara Madinah, terutama dalam membangunkan sektor ekonomi, sosial, pertahanan dan keamanan negara.

Agama Islam berjaya membangunkan sebuah masyarakat majmuk yang terdiri daripada pelbagai bangsa iaitu orang Islam, Yahudi, Nasrani dan Musyrikin untuk hidup bersatu padu dan bermuafakat di bawah naungan pemerintahan Rasulullah SAW. Perkara ini adalah manifestasi daripada firman Allah Taala antaranya ialah :

﴿فَمَا رَحْمَةٌ مِّنَ اللَّهِ لِنَتَ لَهُمْ وَلَوْ كُنْتَ فَظًّا غَلِيلًا لَّا نَفْضُوا مِنْ حَوْلِكَ فَاعْفُ عَنْهُمْ  
وَاسْتَغْفِرْ لَهُمْ وَشَاوِرْهُمْ فِي الْأَمْرِ﴾

Maka dengan sebab rahmat (yang melimpah-limpah) dari Allah (kepadamu wahai Muhammad), engkau telah bersikap lemah-lembut kepada mereka (sahabat-sahabat dan pengikutmu), dan kalaularang engkau bersikap kasar lagi keras hati, tentulah mereka lari dari kelilingmu. Oleh itu maafkanlah mereka (mengenai kesalahan yang mereka lakukan terhadapmu), dan pohonkanlah ampun bagi mereka, dan juga bermesyuaratlah dengan mereka dalam urusan (peperangan dan hal-hal keduniaan) itu. (Surah Ali Imran : 159)

Sebagai warga negara yang sayang kepada negara ini, semua rakyat digesa bersatu padu, saling hormat menghormati, menjaga sensitiviti umat Islam, dan

menghormati Islam adalah agama persekutuan. Adalah amat malang jika masih ada di kalangan warganegara samada di kalangan orang Islam ataupun bukan Islam yang sengaja melakukan provokasi dan menimbulkan kegusaran di kalangan umat Islam seperti mempermain-mainkan kalimah Allah dan mempersenda laungan azan.

### **Menyekat Segala Unsur Ganggu Gugat Keharmonian Kaum**

Pihak-pihak bertanggungjawab perlu mengambil langkah tegas dan proaktif bagi menyekat segala unsur yang boleh mengganggu gugat keharmonian dan keselamatan kaum di dalam negara ini dengan mengenakan hukuman sewajarnya kepada pihak-pihak yang terlibat supaya dapat menjadi pengajaran dan iktibar kepada pihak yang lain.